

Ciri-Ciri Wasatiyyah Dakwah

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani
zulghani@ukm.edu.my

Zulkefli Aini
zulaini@ukm.edu.my
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstrak

Dakwah Islamiah ialah milik semua manusia tanpa mengira status dan kedudukan mereka. Setiap orang mampu bersama dengan dakwah dalam apa jua keadaan. Oleh itu, dalam memastikan pelaksanaan Islam direalisasikan dalam kehidupan, maka penumpuan kepada wasatiyyah dakwah mesti dilakukan. Namun demikian, terdapat sesetengah kalangan masyarakat yang menafikan kepentingan dakwah dengan menganggap ianya hanya untuk golongan tertentu dan sebahagian lagi menganggap ia tidak diperlukan dalam era kehidupan semasa. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengetengahkan maksud wasatiyyah dan ciri-ciri wasatiyyah dakwah melalui kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah tekstual atau kajian-kajian lepas. Hasil kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri wasatiyyah terlebih dahulu perlu difahami dan dihayati dalam menjayakan penyebaran dakwah secara menyeluruh kepada seluruh lapisan masyarakat dan ciri-ciri wasatiyyah dakwah ialah al-rabbaniyyah, al-tawazun, al-thabat wa al-istiqrar, al-tadarruj dan al-kamal. Ciri-ciri ini perlu mendasari penyampaian dan pelaksanaan dakwah kepada masyarakat agar Islam dapat dinikmati dan diterima oleh semua.

Kata Kunci: wasatiyyah, dakwah, ciri-ciri, wasatiyyah dakwah

The Characteristics of Wasatiyyah al-Da'wah

Abstracts

The Islamic da'wah belongs to everyone regardless of their status and positions. Everyone can do da'wah with under any circumstances. Therefore, to ensure the implementation of Islam is accomplished in life, Muslim preachers must focus on the so called wasatiyyah al-da'wah. Nevertheless, there are members of the Muslim community who deny the importance of al-

da'wah as some of them regard it only belongs to specific groups and other think that is not needed in this era. Consequently, this study aims to introduce the definition and characteristics of wasatiyyah al-da'wah through the method of qualitative which employs textual or previous studies. The results show that the characteristics of wasatiyyah must first be understood for the success of da'wah to the society and the characteristics of wasatiyyah al-da'wah are al-rabbaniyyah, al-tawazun, al-thabat wa al-istiqrar, al-tadarruj and al-kamal. These characteristics should be the foundation of da'wah presentation and implementation to the community in order to make Islam acceptable by all.

Key words: Wasatiyyah, Da'wah, Characteristic, Wasatiyyah al-Da'wah

Received: 10 June 2018

Accepted: 28 June 2018

Online Published: 30 June 2018

MAKSUD *WASAṬIYYAH* DAKWAH

Perbincangan berkaitan dengan *wasatiyyah dakwah* lebih sempurna dengan memperjelaskan pengertian dakwah dan *wasatiyyah*. Perbincangan berkenaan makna asal perkataan sangat penting bagi memastikan perjalanan kajian lebih jelas dan tersusun. Oleh itu, definisi dakwah, *wasatiyyah* dan *wasatiyyah* dakwah sebagaimana berikut:

1. Definisi Dakwah

a. Dakwah daripada segi bahasa

Perkataan dakwah berasal daripada perkataan *da'ā*. Kata *da'ā* mempunyai beberapa makna antara lain memanggil, mengundang, minta tolong, meminta, memohon, menamakan, menyuruh datang, mendorong, menyebabkan, mendatangkan, mendoakan, menangi dan meratapi. Dalam al-Quran terdapat tidak kurang dari 198 kali kata *da'ā* dengan makna yang berbeza-beza iaitu:

- a. Mengajak dan menyeru
- b. Berdoa
- c. Mendakwa
- d. Mengadu
- e. Memanggil
- f. Meminta
- g. Mengundang

h. Berdakwah.

b. Dakwah daripada segi istilah

Menurut Abu al-Fath al-Bayanuni (2010) Dakwah adalah menyampaikan dan mengajarkan agama Islam kepadaseluruh manusia dan mempraktikkannya dalam kehidupan nyata. Menurut Syeikh Muhammad al-Khadir Husain (1997) dakwah adalah menyeru manusia kepada kebajikan dan petunjuk serta menyuruh kepada kebajikan dan melarang kemungkaran agar mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat.

Secara keseluruhannya dakwah merupakan kegiatan menyeru dan usaha menyampaikan serta memahami ajaran Islam kepada orang Muslim ataupun Non-Muslim dengan cara bijaksana dan terbaik kepada ajaran Islam yang sebenar bagi menuju jalan yang diredai supaya agama Islam dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian untuk memperolihi kebaikan dunia dan akhirat.

2. Definisi Wasatīyyah

a. Wasatīyyah daripada segi bahasa.

Wasatīyyah adalah perkataan bahasa Arab yang tergabung daripada rangkaian tiga huruf iaitu *waw*, *sīn* dan *to*. Menurut pakar-pakar Bahasa Arab, ia mengandungi beberapa pengertian iaitu:

1. Adil. Menurut *Lisan al-Arab* (1990) *wasat* sesuatu adalah adil. Menurut Kamus al-Muhit (1987) *al-wasat* iaitu *al-Adl*.
2. Pertengahan antara berlebihan dan berkurangan.
3. Yang terbaik. Menurut *Lisan al-Arab* (1990) *Rajul Wasat* iaitu yang baik. Menurut al-Şahah (1995) *wasat* bererti yang terbaik dan terpilih.
4. Sesuatu antara baik dan buruk. Menurut *Misbah al-Munir* (2008) *wasat* bermaksud sesuatu antara baik dan buruk.
5. Pertengahan tidak ke kanan dan ke kiri. Menurut *Lisan al-Arab* (1990) *wasat* bererti pertengahan bagi sesuatu tanpa ke kiri dan ke kanan.

Menurut al-Şalabi (2007) makna *wasat* secara keseluruhannya bererti yang adil, yang terbaik, yang pertengahan bagi sesuatu, yang pertengahan antara yang baik dan buruk dan yang terpilih daripada dua perkara atau lebih.

b. Wasatīyyah daripada perspektif istilah

Perkataan *wasat* jika dirujuk kepada penggunaan istilah syarak membawa kepada beberapa makna. Antara makna *wasat* yang digunakan oleh syarak sebagaimana berikut:

Pertama: Membawa maksud keadilan dan satu bentuk pilihan terbaik.

Dalam konteks ini, Fairuz Abadi (1987) dalam kitabnya *al-Qamus al-Muḥit* menjelaskan pengertian kalimah *wasat* dengan mengatakan: *Wasat* daripada setiap sesuatu adalah yang paling adil. Manakala Ibn Faris (1392h) pula dalam kitabnya *Muʿjam Maqāyis al-Lughah* menyatakan perkataan *wasat* merujuk kepada makna adil dan pertengahan. Suatu yang paling adil suatu yang paling *wasat*. Firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 143)

Maksudnya: Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil.

Firman Allah SWT:

قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ لَوْلَا تُسَبِّحُونَ

(Al-Quran, al-Qalam 68: 28)

Maksudnya: Berkatalah orang yang bersikap adil di antara mereka: Bukankah aku telah katakan kepada kamu (semasa kamu hendak menghampakan orang-orang fakir miskin dari habuannya): amatlah elok kiranya kamu mengingati Allah SWT (serta membatalkan rancangan kamu yang jahat itu)?

Kedua: Membawa maksud pilihan yang terbaik dan paling bagus

Ibn al-Athir (1963) dalam al-Nihayah Fi Gharib al-Hadis menjelaskan makna *wasat* sebagai pilihan terbaik dengan mengatakan: Apabila dikatakan: Dia adalah dari kalangan orang yang paling *wasat* dalam kaumnya, maka maksudnya ialah orang pilihan yang terbaik. Firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

(Al-Quran, Āli ʿImrān 3: 110)

Maksudnya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah SWT (dengan sebenar-benar iman).

Ketiga: Membawa maksud posisi pertengahan antara dua penjuru.

Ibn al-Athir (1963) menyatakan setiap perilaku yang mahmudah (terpuji), ia berada di tengah-tengah antara dua penjurur yang mazmumah (terkeji). Perkataan wasat juga membawa maksud Antara penggunaan kalimah wasat dengan makna ini ialah sebagaimana dalam satu hadis:

خَيْرُ الْأُمُورِ أَوْسَطُهَا -

(Al-Bayhaqi, Kitab Syuab al-īman, Bab al-Iqtisad fi al-Nafaqah wa Tahrim Akli al-Mal al-Batil)

Maksudnya: Sebaik-baik perkara adalah pertengahannya.

فَوَسْطَنَ بِهَا جَمْعًا

(Al-Quran, al-Ādiāt 100: 5)

Maksudnya: Lalu menggempur ketika itu di tengah-tengah kumpulan musuh;

Keempat: Membawa maksud pertengahan antara baik dan buruk, antara ekstrem dan terlalu longgar.

Menurut Kamus al-Misbah al-Munir (2008) menjelaskan makna *wasat* sebagai pertengahan antara baik dan buruk. Menurut Abdullah Sulaiman al-Ghufaili (1426h) *wasatiyyah* ialah mengimbangi antara dua perkara tanpa terlalu longgar dan terlalu berlebih-lebihan, dengan erti kata berlaku adil terhadap semua perkara yang boleh mendapatkan segala kebaikan.

Menurut al-Qaradawi (2000:272) maksud *wasatiyyah* daripada perspektif istilah ialah pertengahan antara dua perkara yang sama-sama benar ataupun bercanggah. Terdapat beberapa aspek kesederhanaan dalam Islam seperti kesederhanaan dalam aspek ibadat serta syiarnya iaitu menyeimbangkan ibadat duniawi dengan ibadat ukhrawi. Bersederhana dalam aspek akhlak seperti tidak selalu bersangka baik atau bersangka buruk dengan fitrah kemanusiaan. Selain itu Islam juga mengajar manusia supaya bersederhana dalam perundangan, ia terbukti dengan lahirnya hukum-hukum Islam yang adil dan saksama kepada individu mahupun masyarakat. Kesederhanaan antara individu dan masyarakat boleh dilihat apabila ia mampu mewujudkan kesepaduan yang harmoni. Di dalamnya terdapat keseimbangan antara kebebasan individu dan kepentingan masyarakat, keserasian hak dan kewajipan serta pengagihan kekayaan dan tanggungjawab juga secara saksama.

Daripada perbahasan makna *wasatiyyah* di atas, jelaslah bahawa yang dimaksudkan dengan *wasatiyyah* bukan bersifat moderat atau penengah tanpa sebarang makna. *Wasatiyyah* juga tidak sesekali menghalalkan pelampauan, kekerasan mahupun ketaksuban membuta tuli. Begitu juga *wasatiyyah* tidak bersifat memperlonggar mahupun mencuaikan agama hingga tergamak melakukan penyimpangan atas nama agama. Sebaliknya konsep *wasatiyyah* yang dimaksudkan syarak adalah bersifat pertengahan antara dua ekstrem berteraskan keadilan, kebaikan, kebenaran dan kesaksamaan.

Sesuatu itu dikatakan *Wasatiyyah* jika menepati kehendak syarak tanpa melampau dan melonggari. Begitu juga *wasatiyyah* boleh dinilai dengan mempunyai dua ciri iaitu keadilan dan kebaikan. Jika diperhatikan kepada kandungan agama Islam secara menyeluruh didapati bahawa Islam adalah agama keadilan dan kebaikan.

Secara keseluruhannya perkataan *wasatiyyah* bererti sederhana, pertengahan, yang terbaik, cemerlang, berimbang (*al-tawāzun*) dan adil (*al-adlu*). Menurut Mohammad Bakrim (1994) semua makna tersebut boleh diterima dalam menafsirkan makna *wasatiyyah* kerana ia saling melengkapi antara satu sama lain. Yang adil sudah semestinya yang terbaik, yang terbaik adalah yang adil, yang terbaik dan adil semestinya yang tidak terlalu ekstrem dan terlalu longgar dan yang tidak ekstrem dan tidak terlalu longgar adalah yang adil dan terbaik. Kesemuanya yang terbaik, yang paling mulia dan cemerlang.

3. Definisi *Wasatiyyah* Dakwah

Maksud *wasatiyyah dakwah* berpandukan kepada pengertian dakwah dan *wasatiyyah* ialah satu kefahaman mendalam tentang dakwah dan pelaksanaan kepada masyarakat dengan meletakkan segala sesuatu pada tempat dan peringkatnya dengan adil, daripada segi hukum, nilai, dan pelaksanaan. Dengan erti kata lain memahami dakwah secara tepat berpandukan *wasatiyyah* Islam supaya dapat menyesuaikan pelaksanaan yang tepat dan pendekatan yang relevan bagi memastikan dakwah berada pada landasannya yang tepat.

Perkataan *wasatiyyah* memberikan gambaran perkara yang indah, seimbang dan cantik. Perbuatan ataupun perkara yang dilakukan perlu seimbang supaya tidak membazirkan masa, tenaga, idea dan harta (Shahid Talib: 2012).

Yusuf al-Qaradāwi (2001) menyusun ilmu berkaitan *wasatiyyah* Islamiah secara teratur dan sistematik malahan memudahkan masyarakat untuk memahaminya. Beliau juga memberikan contoh dan membahagikan pemahaman dan pelaksanaan *wasatiyyah* kepada beberapa bidang di antaranya ialah fardu kifayah dalam bidang ilmu, bidang *hisbah* dan bidang *tasyri'*, bidang dakwah dan tarbiah. Kefahaman berkaitan *fiqh wasatiyyah* perlu diberi perhatian oleh segenap lapisan masyarakat termasuk individu, keluarga, institusi dan kerajaan supaya pelaksanaan Islam menyeluruh dan bersepadu.

Dengan ini maksud *wasatiyyah dakwah* dalam kajian ini ialah memahami secara mendalam tentang dakwah pada setiap isu yang berlaku, pelaksanaan dan pendekatan yang ingin digunakan dan penyelesaian yang terbaik supaya pelaksanaan tersebut adil, terbaik, seimbang dan sesuai bertepatan dengan *wasatiyyah* Islam. Dengan itu lahirnya penghayatan dalam semua perkara bermula daripada sekecil-kecil perkara sehinggalah kepada sebesar-besar perkara.

CIRI-CIRI *WASAṬIYYAH* DAKWAH

Wasaṭiyyah Dakwah mempunyai ciri-ciri tersendiri yang perlu diberi perhatian oleh semua umat Islam supaya pelaksanaan dakwah sesuai dan berkesan. Menurut Abdullah Muhammad Zin (2015) *wasaṭiyyah* adalah baik dan sangat digalakkan, kerana melakukan perbuatan yang lebih dari yang sepatutnya dianggap melampau, begitu juga perbuatan yang kurang daripada yang sepatutnya dianggap suatu kecuaiian. Justeru, orang Islam tidak boleh *rigid* dan ekstrem, begitu juga tidak boleh terlalu bebas lepas tanpa ikatan dan sempadan.

Wasaṭiyyah Dakwah merangkumi roh dan jasad, dunia dan akhirat, agama dan negara, individu dan masyarakat, *thābit* dan *mutaghayyir*, baru dan lama, akal dan *Naql, maqāsid* dan *wasāil*, *ijtihad* dan *taqlid* dan agama dan ilmu. Sebaliknya jika hanya memberi fokus kepada salah satu daripada perkara tersebut tanpa ada keseimbangan akan membawa kepada ekstrem dan terlalu longgar (Abd al-Munim: 2012). Menurut Abdul Aziz Othman (2008) ciri-ciri *wasaṭiyyah* ialah *al-rabbāniah*, *al-tawazun* dan *al-thabat wa al-istiqrar*. Oleh yang demikian *wasaṭiyyah dakwah* ialah *al-rabbāniah*, *al-tawazun* dan *al-thabat wa al-istiqrar*, berperingkat-peringkat dan kesempurnaan dakwah.

a. *Al-Rabbāniyyah*

Al-Rabbāniah merupakan ciri-ciri utama *wasaṭiyyah dakwah*. Islam merupakan agama yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada manusia. Jalan yang lurus tercapai dengan menjadikan wahyu Allah SWT sebagai rujukan. Sumber kepada manhaj Islam ialah wahyu Allah yang telah disampaikan oleh junjungan besar nabi Muhammad SAW kepada umatnya. Wahyu tersebut terjaga dengan jaminan Allah SWT untuk menjaganya. Oleh itu, Umat Islam mempunyai manhaj yang datangnya daripada Allah SWT sebagaimana dalam firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

(Al-Quran, al-Hijr 15: 9)

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Manhaj *rabbāniah* ialah manhaj yang datang daripada Allah SWT. Menurut al-Qaradawi (1983) *Rabbāniyyah al-manhaj* bermaksud setiap sistem, peraturan, kaedah, dan undang-undang bagi menyempurnakan kehidupan insaniah manusia adalah berteras dan berasaskan kepada acuan Allah SWT. Manhaj ini datangnya mengikut kehendak Allah SWT, bukan kerana keinginan individu tertentu, berpunca daripada golongan tertentu, daripada parti tertentu dan daripada bangsa tertentu. Bahkan ia merupakan ketetapan pencipta kepada makhluk ini. Oleh yang demikian ia amat sesuai kepada semua manusia tanpa mengira kedudukan dan pangkat mereka. Manusia akan mendapat kejayaan apabila berpegang teguh dengan manhaj ini dalam kehidupan mereka.

Manhaj rabbaniah memberikan kebaikan yang begitu bermakna buat manusia. Antara kebaikan dan keistimewaan *manhaj rabbaniah* sebagaimana berikut:

- a. Bebas daripada pertembungan. Manhaj manusia berlaku pertembungan antara manhaj dengan manhaj yang lain sehingga pertembungan tersebut menyebabkan kepada perpecahan dan permusuhan.
- b. Kebebasan yang mutlak, tidak terdapat padanya keinginan mengikut hawa nafsu dan kepentingan tertentu sebagaimana yang ada pada manhaj yang dicipta oleh manusia.
- c. Bebas daripada mengabdikan diri kepada manusia.

Oleh yang demikian *wasatiyyah* dakwah merupakan manhaj yang terbaik kerana ia datang daripada Allah SWT. Manhaj yang datangnya daripada Allah bebas daripada kesilapan dan kesalahan. Manhaj *wasatiyyah* adalah manhaj yang terbaik. Dengan itu terbina manhaj *wasatiyyah* yang sesuai untuk semua manusia.

b. Al-Tawāzun

Wasatiyyah dakwah memberikan keseimbangan antara roh dan jasad, dunia dan akhirat, hak individu dan kelompok dan sebagainya. Menurut Maha Ali (2001) Islam datang dengan manhaj yang sempurna dengan memberi keseimbangan terhadap roh dan jasad, dunia dan akhirat. Islam memerintahkan umatnya beribadat kepada Allah dengan menyeimbangkan dalam keadaan penuh penghayatan terhadap tuntutan jasad dan kerinduan roh. Demikian juga Islam telah menetapkan hukum hakam bersesuaian dengan pembinaan masyarakat yang aman supaya terbinanya individu dan masyarakat yang harmoni. Keseimbangan yang dituntut dalam Islam tanpa terlalu longgar dan ekstrem dalam pelaksanaan ibadah kepada Allah SWT.

Wasatiyyah satu manhaj yang mengimbangi antara agama dan dunia, antara material dan roh, antara hak individu dan kelompok, antara kebebasan individu dan individu lain. Tidak melampau batas yang telah ditetapkan. Bahkan meraikan setiap hak yang sepatutnya dilaksanakan mengikut ketentuan syarak (Abdul Ilah: 2010).

Wasatiyyah suatu pendekatan mengamalkan ajaran Islam secara berimbang dan syumul dalam keseluruhan bidang kehidupan individu dan masyarakat dengan memfokuskan kepada mempertingkatkan kualiti hidup ummah, sama ada daripada segi pembangunan ilmu pengetahuan, pembangunan insan, sistem ekonomi dan kewangan, perpaduan dan imbalan antara kaum, kenegaraan, pemahaman dan sebagainya (Abdullah Muhammad Zin: 2015)

Manakala *al-tawāzun* bermaksud keseimbangan. Istilah *al-tawāzun* mempunyai sedikit persamaan dengan konsep *al-wasatiyyah* kerana kedua-duanya mempunyai elemen keseimbangan, tetapi yang membezakan ialah *al-wasatiyyah* lebih bersifat cara atau pendekatan sebagai alternatif, sedangkan *al-tawāzun* merupakan sesuatu keadaan yang dilahirkan dalam keadaan keseimbangan. (Ghazali Basri, 156:2008) Menurut al-Qaradawi (2011) Semua ketetapan Allah SWT mengikut keseimbangan, jika dilihat kepada alam di sekeliling, adanya

malam dan siang, gelap dan cerah, panas dan sejuk, basah dan kering, semua itu mengikut ketetapan keseimbangan yang membawa kepada keamanan kehidupan. sama sekali tidak terkeluar daripada keseimbangan ciptaan Allah SWT.

c. *Al-Thabāt wa Al-Istiqrār*

Al-Thabāt dan *Al-Istiqrār* adalah istiqamah dan berterusan dalam melaksanakan tuntutan Islam selari dengan tuntutan *al-Tawazun* merupakan salah satu ciri *wasatiyyah dakwah*. Pelaksanaan secara seimbang membawa kepada amalan secara berterusan dan seimbang. Menurut Abdullah (1439: 58) *wasatiyyah* pemangkin ukhuwah Islamiah berpandukan kepada ayat al-Quran (al-Hujurat: 10). *Wasatiyyah* dapat mengukuhkan hubungan silaturrahim, menjauhkan berlakunya permusuhan, mendahulukan sangka baik, menerima kemaafan, menjauhkan fitnah memfitnah, memberi kelonggaran atas kekurangan dan menjauhkan daripada membuka aib sesama Muslim.

Menurut Yusof Othman (2013: 10-11) dalam berinteraksi sesama manusia, Allah SWT juga menuntut kita mengambil pendekatan *wasatiyyah* (sederhana dan berimbang) dalam kehidupan kita seharian. Dengan pendekatan *wasatiyyah* akan menyebabkan kita menjadi insan beradab dan berakhlak mulia sehingga tidak merendah-rendahkan sesuatu kaum. Dengan ini ternyatalah pendekatan *wasatiyyah* mampu mengawal keadaan yang tak elok kepada keadaan yang elok.

Dasar *wasatiyyah* menuntut gabungan antara akal dan wahyu, agama dan sains. Menggunakan akal sahaja dengan meninggalkan wahyu membawa risiko kepada kefahaman yang terkeluar daripada ajaran Islam seperti ateis, liberalisme, pluralisme dan sekularisme. Sebaliknya menggabungkan akal dan wahyu, menjadikan aktiviti berfikir, merancang malah melakukan program pembangunan ummah adalah menjadi ibadah. (Mohamad kamil: 2013)

d. Berperingkat peringkat

Pelaksanaan Islam secara berperingkat merupakan ciri yang perlu ada pada *wasatiyyah dakwah*. Antara konsep keutamaan yang perlu diambil kira oleh para pendakwah ialah mengambil kira prinsip mengubah secara berperingkat. Hal ini kerana mengikut perintah Allah SWT dalam bidang penciptaan dan bidang perintah serta larangan juga kerana mematuhi metode perundangan Islam dalam menunaikan ibadat solat, puasa dan kewajipan-kewajipan lain serta dalam mengenakan pengharaman terhadap perkara-perkara terlarang. Contoh yang paling jelas yang kita boleh lihat dalam perkara ini ialah pengharaman arak mengikut beberapa peringkat tertentu sepertimana yang telah sedia maklum dalam sejarah perundangan Islam.

Peraturan Ilahi dalam meraikan perubahan secara berperingkat harus menjadi kelaziman dalam memimpin umat manusia apabila sistem Islam hendak dikuatkuasakan dalam kehidupan hari ini iaitu selepas era di mana kehidupan Islam diserang dari segi kebudayaan, perundangan dan kemasyarakatan. Jika para pendakwah hendak membangunkan sesebuah masyarakat Islam

Orang Asli yang sejati, seseorang pendakwah itu tidak boleh berkhayal yang ia akan menjadi kenyataan dengan hanya sebatang pen atau dengan sesuatu keputusan yang dikeluarkan oleh pemerintah malah ianya akan menjadi kenyataan melalui perubahan secara berperingkat. Apa yang dimaksudkan di sini ialah dengan menyediakan dan melengkapkan seseorang individu dari segi pemikiran, psikologi, moral dan sosial serta mencari jalan untuk mereka meninggalkan perkara batil yang telah diamalkan setelah sekian lamanya.

Dalam hal ini, tidak dimaksudkan dengan perubahan secara berperingkat ialah untuk melengahkan penguatkuasaan hukum syarak dan memperalatkan perkataan berperingkat itu untuk mematikan pelaksanaan Islam secara menyeluruh. Berperingkat dini bermaksud untuk menentukan matlamat, mencipta strategi dan menggariskan tahap-tahap dengan insaf dan jujur di mana setiap tahap akan membawa kepada tahap berikutnya secara terancang sehinggalah ia sampai ke tahap yang dikehendaki dan terakhir iaitu menegakkan Islam sepenuhnya.

Pendekatan ini adalah selaras dengan apa yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW untuk mengubah kehidupan jahiliah kepada suatu kehidupan Islam. Begitu juga dengan kehidupan asal saudara baru yang pada asalnya mereka kebanyakannya bukan beragama Islam dan tidak beragama dan membawa mereka untuk mendalami ajaran Islam. Ini semua tidak lain dan tidak bukan ialah untuk memastikan sesuatu hukum itu sampai kepada matlamat ianya disyariatkan. Sesuatu hukum tidak mencapai *maqasid* sekiranya dijalankan pada masa yang tidak sesuai atau dalam keadaan masyarakat yang masih belum dapat menerima hukum itu.

Menurut Ali al-Tontowi (2008) apabila para pendakwah menyampaikan dakwah kepada remaja, jangan lupa panduan daripada Rasulullah SAW dengan memulakan akidah terlebih dahulu, kemudian mengajak mereka menjauhi dosa-dosa besar dan perkara yang diharamkan secara ijma' dan kemudian memerintahkan supaya melaksanakan kefadhuan yang wajib. Apa yang berlaku sebaliknya, ada antara para pendakwah memulakan dengan yang sunat dahulu seumpama perbincangan berkaitan dengan janggut, tetapi tidak memulakan dengan rukun Islam yang utama. Oleh yang demikian dakwah yang disampaikan susah dan sukar kerana tidak mengutamakan apa yang utama.

Menurut Ali Yaakub Matondang (2006) antara pendekatan secara berperingkat kepada saudara baru adalah dalam bentuk *taui' yah* (kesedaran), *irsyad* (bimbingan), *himayah* (perlindungan) dan *tanmiyah* (pembangunan).

- 1) *Tau'iyah* (kesedaran). Para pendakwah memberikan kesedaran agar sumbangan dakwah semakin jelas. Dengan demikian kerja dakwah menjadi lebih bertenaga dan efektif kerana sasaran dakwah memiliki kesedaran yang jelas serta memudahkan sasaran dakwah untuk melakukan kebaikan.
- 2) *Irsyad* (bimbingan). Para pendakwah memberikan bimbingan kepada sasaran dakwah agar mereka tidak terjebak dalam ranjau kesesatan serta sentiasa berada di jalan yang benar. Sasaran dakwah perlu diberikan bimbingan sewajarnya agar mereka tidak berputus asa dan mampu menghadapi rintangan.

- 3) *Himayah* (perlindungan). Para pendakwah memberikan perlindungan kepada sasaran dakwah dengan penerapan nilai-nilai murni agar tingkah laku mereka tidak menyimpang dari lunas-lunas agama Islam dan memberikan perlindungan kepada sasaran dakwah dari segala bentuk kezaliman.
- 4) *Tanmiyah* (pembangunan). Bermaksud pembangunan dan pengembangan kehidupan sasaran dakwah ke arah kemajuan yang membawa kepada kecemerlangan dan kebahagiaan.

e. Kesempurnaan dakwah

Dakwah yang dilaksanakan mesti menepati kesempurnaan dakwah supaya jelas menunjukkan kepada *wasatiyyah* dakwah. Bagi mencapai kesempurnaan dakwah mesti merangkumi keseluruhan elemen-elemen dakwah. Dakwah islamiah mempunyai tiga elemen penting iaitu penyampaian, pemahaman dan pelaksanaan. Penyampaian dakwah mesti dimulakan dengan memperjelaskan tentang agama Islam kepada keseluruhan masyarakat. Kemudian diteruskan dengan kefahaman melalui pengajaran dan tunjuk ajar yang baik. Akhirnya agama Islam direalisasikan dalam kehidupan dengan pelaksanaan yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Dakwah yang sempurna adalah yang merangkumi tiga elemen utama dalam dakwah iaitu penyampaian, pemahaman dan pelaksanaan. Ketiga-tiga elemen ini tidak boleh dipisahkan dalam konteks dakwah islamiah. Dakwah tidak sempurna dengan hanya mengambil salah satu elemen sahaja tanpa memberi tumpuan kepada elemen yang lain seperti memberi tumpuan kepada elemen penyampaian sahaja dan mengabaikan elemen yang lain. Walaupun begitu seseorang itu sudah dikira berdakwah secara tidak sempurna dengan mengambil salah satu bahagian dan memberi sokongan kepada bahagian yang lain tanpa menolak.

Namun tidak dikira berdakwah jika mengambil salah satu elemen dakwah dan menolak elemen yang lain seperti mengambil elemen penyampaian dan menolak elemen pemahaman dan pelaksanaan atau mengambil elemen penyampaian dan pemahaman tanpa elemen pelaksanaan. Yang paling parah ialah menolak dan menentang elemen yang tidak dipersetujui tanpa alasan yang munasabah. Kebiasaannya berlaku pertikaian pada peringkat pelaksanaan kepada kumpulan yang setuju dan menolak. Dakwah islamiah menjadi songsang jika difahami hanya penyampaian semata-mata.

Wasatiyyah dakwah adalah merangkumi keseluruhan aspek dakwah Islamiah bermula dengan penyampaian dan diteruskan dengan kefahaman serta diakhiri dengan pelaksanaan. Ada di antara para pendakwah yang bertugas dan mahir dalam bidang penyampaian mengambil bahagian dalam penyampaian. Tidak ketinggalan juga ada yang mampu mengajar dan memberi kefahaman yang jelas mengambil bahagian dalam pengajaran dan pendidikan. Mereka semua saling memberi sokongan kepada mereka yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan

apa yang disampaikan dan diajar kepada realiti kehidupan masyarakat Muslim. Jika perkara ini berlaku dalam dakwah islamiah akan melahirkan *wasatīyyah* dakwah yang menyeluruh.

Jadual Ciri Wasaṭiyyah Dakwah

Golongan Pelampau (ekstrem)	Wasaṭiyyah Dakwah	Golongan Pengabai (memudahkan)
Terlalu memayahkan.	Islam itu mudah.	Terlalu memudahkan sehingga mengabaikan prinsip, peraturan dan hukum.
Menyempitkan yang luas.	Peraturan Islam peraturan yang sempurna merangkumi keseluruhan kehidupan manusia.	Melonggarkan peraturan.
Tidak membenarkan rukhsah walaupun pada perkara yang dibenarkan.	Pelaksanaan berpandukan kepada <i>Fiqh Aulawiyyāt</i> , <i>Fiqh Waqi'</i> , <i>Fiqh Ikhtilāf</i> dan <i>Fiqh Muwāzanat</i> .	Tidak berpegang teguh kepada dasar, prinsip sehingga mengabaikan perkara difardukan dan diharamkan.
Tidak menerima berbeza pendapat.	Meraikan berbeza pandangan dalam ruang lingkup yang dibenarkan.	Terlalu terbuka sehingga mengambil pandangan yang bertentangan dengan Islam.
Tidak menilai hukum hakam berpandukan kepada keadaan semasa masyarakat.	Menilai hukum berpandukan keadaan dan masa serta menyesuaikan dengan pandangan Islam.	Mempermudahkan agama sehingga agama menjadi lembut mengikut kehendak hawa nafsu.
Terlalu terikat dengan sesuatu pandangan.	Islam sebagai asas dalam semua perkara.	Terlalu menerima pandangan yang pelbagai sehingga melonggarkan ikatan dengan dasar, prinsip dan asas agama.
Tidak bersedia untuk berdialog atau bermujadalah	Berdialog dan bermujadalah mengikut syarat yang telah ditetapkan	Terlalu terbuka dalam bermujadalah sehingga membawa kepada menafikan apa yang ditetapkan agama, yang salah dibenarkan dan sebagainya.
Mewajibkan keseluruhannya tanpa ada peringkat-peringkat	Berperingkat-peringkat	Tidak berperingkat peringkat
Mewajibkan atau menolak keseluruhannya tanpa ada peringkat	Secara sempurna penyampaian, pemahaman dan pelaksanaan	Mengabaikan pelaksanaan secara penyampaian, pemahaman dan pelaksanaan.

Sumber: Kajian 2016

KESIMPULAN

Dunia dakwah masa kini sangat memerlukan dakwah wasatiyyah supaya dakwah yang disampaikan dapat dihayati dalam kehidupan manusia. Dakwah yang disampaikan perlulah jauh daripada timbulnya fitnah yang pelbagai. Bagi memastikan *wasatiyyah* dakwah terlaksana perlu memahami terlebih dahulu keistimewaan dan ciri-ciri *wasatiyyah* dakwah. Dengan memahami keistimewaan dan ciri-ciri wasatiyyah dapat melahirkan para pendakwah yang memahami *wasatiyyah* dakwah sebenar untuk dilaksanakan dalam masyarakat.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim dan terjemahannya. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Abd al-Mun^oim Muhammad Husain. 2012. *Al-Wasatiyyah al-Islamiyyah ka Manhaj Fikr wa Hayāt*. Dar Nasy irili al-Nasr al-Ilekriniyah.
- Abdul Aziz Othman Syekh Muhammad. 2008. *Al-Wasatiyyah fi al-Islām wa Atharuha fi al-Wiqāyah min al-Jarīmah*. Riyadh: Jamiah Naif al-Arabiyah li al-Ulum al-Amniah. (Tesis Master)
- Abdul Hadi bin Awang. T.t. *Konsep Al-Wasatiyyah Jangan Dicemar Unsur Kebatilah*. Akademi Tarbiyah Dewan Pemuda PAS Malaysia.
- Abdul Hakim Ahmad Abu Zian. t.t. *Qirāat li Ahammi al-Malāmih al-Dakwah Li al-Wasatiyyah Fi al-Dakwah*. Libya: Majalah al-Satil.
- Abdul Karim Zaidan. 1994. *Al-Wajīz fi Usūl al-Fiqh*. Beirut: Muassal al-Qurtubah.
- Abdullah Abdul Aziz. 2008. *Al-wasatiyyah, al-Thoriq Ila al-Ghad*. Al-Saudiyyah: dar Kunuz Ishbiliya.
- Abdullah Md Zin. 2013. *Pendekatan wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur. Institut wasatiyyah Malaysia.
- Abdullah Muhammad Zin. 2015. *Wasatiyyah Sebagai Manhaj Dakwah Masa Kini. Kertas kerja Multaqa Pendakwah Negara dan Serantau 2015*. Kuala Lumpur: Institut Latihan, Dewan bandaraya Kuala Lumpur.
- Abu Zuhrah, Muhammad. 1958. *Al-Wehdah al-Islamiyyah*. Beirut. Dar al-Raidal-Arabi.
- Ahmad bin Hanbal. 2005. *Al-Musnad Ahmad Hanbal*. Mesir: Dal Al-Hadis.
- Al-Bahrani, Abdul ^oAzim. 2000. *W^oa al-Ta^oāmul ma^oa al-Ikhtilāf*. Beirut: Dar al-Ulum.
- Al-Bilali, Abdul Hamid. 1989. *Fiqh al-Dakwah Fi Inkār al-Munkar*. Kuwait: Dar al-Dakwah Li al-Nasr wa al-Tauzi^o.

- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. 1407 H. *Ṣahih Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Katsir.
- Al-°Alwānī, Ṭāhā Jābir. 1992. *Adab al-Ikhtilāf Fī al-Islām*. USA: Al-Ma°had al-Islāmī Li al-Fikr al-Islāmī.
- Al-Fairuz Abādi, Muhammad Bin Ya°qub. 2005. *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Fayumi, Ahmad bin Muhammad. 2008. *Al-Misbah al-Munir*. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar Li al-Nasyr Wa al-Tauzi'.
- Al-Ghufaili, Abdullah Sulaiman. 1426H. *Wasatīyyah Ahlu al-Sunnah wa al-Jamā'ah Dalam Bab al-Qadr*, Majalah al-Buhuth al-Islamiah, Keluaran 76.
- Al-Mansi, Muhammad Qasim. 2010. *Taghayyur al-Zuruf Wa Atharuhu Fi Ikhtilaf al-Ahkam*. Kaherah: Dar al-Salam Li al-Ṭabati wa al-Nasr Wa al-Tauzi Wa al-Tarjamah.
- Al-Qaraḍawi Yusuf. 2005. *Kaifa Nata°amalu Maāa al-Turath wa al-Tamazhub wa al-Mazmun*. Qaherah: Mucasasah al Risalah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1983. *Al-khaṣoiṣ al-āmmah li al-Islām*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qaraḍawi, Yusuf. 2005. *Kaifa Nata°amalu Ma°a al-Turath wa al-Tamazhub wa al-Mazmun*. Kaherah: Mu°asasah al Risalah.
- Al-Qaraḍāwi, Yusuf. 2006. *Al-Sahwah al-Islāmiyyah Baina al-Ikhtilāf al-Masyru° wa al-Tafarruq al-Mazmun*. Kaherah Mesir: Dar al-Syuruq.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2011. *Kalimat Fi al-wasatīyyah al-Islāmiyyah wa Ma°alimiha*. Cetakan ketiga. Kaherah. Dar al-Syuruq Madinet Nasr.
- Al-Raghib al-Isfahani. 1992. *Mufradāt Fi Gharib al-Quran*. Damsyik: dar al-Qalam.
- Al-Razi, Muhammad bin Abu Bakr. 1995. *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Rugi. Muhammad. 2000. *Nazariyyah al-Taq'id al-Feqhi*. Lubnan: Dar Ibnu Hazm Beirut.
- Al-Salabi, Ali Muhammad. 2007. *Al-wasatīyyah Fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Muassasah Iqra.
- Al-Syatiri, Sayyid Muhammad Ahmad. 2000. *Wahdah al-Islāmiyyah*. Saudi: Dar al-Hawi Riyadh.
- Al-Thabarani. 1985. *Al- Mu°jam al-°Awsath*. Saudi: Maktabah al-Ma'arif Riyadh.
- Al-Tontowi, Ali. 2008. *Fusul Fi Al-Da°wah wa al-Islah*. Saudi Arabiya: Dar al-Manarah Li al-Nasr Wa al-Tauzi'.
- Al-Zuhaili Wahbah. 2006. *Al-wasatīyyah Matlaban Syar'iiyyan Wa Hadhariyyan*. Kuwait: al-Markaz al-°alamiy Li al-wasatīyyah.

Ayad Taha Sarhan al-Ajeili & Jabbar Ad bal-Wahhab Sau dal-Dilaimi. T.t. *wasatiyyah al-islām wa nabzuha li al-ghuluw wa al-taḥorruf*. PDF

Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. 2002. *Ṣahih Bkhari*. Beirut: Dai Ibn Kathir.

Farid Abdul Kadir. 1993. *Al-wasatiyyah Fi al-Islām*. Beirut: Dar al-Nafais.

Ibn Manzur, Abu al-Fadl Muhammad bin Mukram. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibnu Faris, Abu al-Husain Ahmad.1392h. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babiy al-Halabiy.

Kamus Dewan edisi keempat. 2010. Selangor: Dawama Sdn Bhd.

Kamus Dewan. 2005. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Pelajar Edisi Kedua. 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maha Ali Al-Thowil. 2001. *Al-Tatbiqat al-Tarbawiyah Lisimat al-tawāzun Fi al-Kitab Wa al-Sunnah*. Tesis Master. Ghazzah: Fakulti Tarbiyah Universiti Islam Ghazzah.

Majd al-Din Muhammad bin Yaakub bin Muhammad bin Ibrahim Fairuz Abadi. 1987. *Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar al-Risalah.

Miqat'ī, Abd al-Ilah. 2010. *Al-Wasatiyyah Manhaj Hayāt wa Tarbiah Mustamirrah*. Majalah al-wasatiyyah. Keluaran Kedua. Jordan: Mathobi' al-Dustural-Tijariah.

Mohamad kamil Abdul Majid. 2013. *Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah*. Kuala Lumpur. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Mohd Shahid Talib. 2012. *Wasatiyyah indahnyia hidup bersederhana*. Selangor: PTS Islamika SDN. BHD.

Muhammad Muhammad Isa. 2004. *Al-Wehdah al-Islāmiyyah Wa Ahammiyatuh fi Ilaj Hadir al-Islāmi*. Jurnal Kuliah Dakwah al-Islāmiyyah, siri ke18. Kaherah. Cetakan universiti al-Azhar kaheerah.

Nasir Abd al-Karim. t.t. *al-Wasatiyyah Wa al-Iktidal Fi al-Quran Wa al-Sunnah*. Tajuk pembentangan: Mafhum al-wasatiyyah Wa al-Iktidal. Pembentangan dalam seminar Aathar al-Quran Fi Tahqiq al-wasatiyyah wa Dafu' al-Ghulu.

Nasir al-umr. 1993. *Al-wasatiyyah Fi Dhau al-Quran al-Karim*. Riyadh: Dar al-Watan.

Rohi al-Baalbaki. 2004. *Al-Maurid*. Beirut: dar al-Ilm al-Malayin.

Sulaiman bin Ibrahim. t.t. *al-Wasatiyyah Wa al-Iktidal Fi al-Quran Wa al-Sunnah*. Tajuk pembentangan: Mazahir-al-wasatiyyah Fi al-Islām. Pembentangan dalam seminar Aathar al-Quran Fi Tahqiq al-wasatiyyah wa Dafu' al-Ghulu.

Zainal Kling. 2012. *Konsep Wastiyah: Perspektif Sosial Sains*. Konvensyen wasatiyyah

Biodata Penulis

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Ph.D (UKM) merupakan pensyarah kanan dan Koordonitor Pasca Siswazah Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan di Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah dakwah dan masyarakat.

Zulkefli Aini, Ph.D (Malaya) merupakan pensyarah kanan Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan di Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menekuni penyelidikan dalam bidang dakwah dan komunikasi insan, dakwah dan masyarakat peribumi, dakwah dan kepimpinan Islam.